

Jamin harga simen tidak naik

■ KUALA LUMPUR 18 JUN

KENAIKAN harga simen dikhuatiri akan menjejaskan hasrat kerajaan untuk membina satu juta rumah mampu milik kepada rakyat.

Justeru, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan kepada rakyat bahawa harga simen tidak akan dinaikkan.

Menterinya, Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata, simen merupakan bahan binaan

utama dan harga rumah akan meningkat sekiranya cadangan menaikkan harga simen berlaku.

"Kita mula mengumpul data dengan mengeluarkan notis Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kepada syarikat pengeluaran untuk menghantar maklum balas kepada Kementerian mengenai keperluan menaikkan harga simen.

"Pihak syarikat pengeluaran juga memberikan maklum balas positif selepas bertemu dengan Kementerian dan saya jangka mereka membatalkan cadangan

untuk menaikkan harga simen," katanya dalam sidang akhbar ketika menghadiri majlis Rumah Terbuka Hari Raya anjuran Pembangunan Industri Kewangan Malaysia Berhad (MIDF) di sini hari ini.

Dalam pada itu, Saifuddin turut menjangkakan perkara itu akan dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet akan datang untuk mencari kaedah atau mekanisme mengatasi masalah kenaikan harga simen.

"Kementerian telah mengarahkan kesemua syarikat

pengeluar memberikan rekod pengeluaran selama tiga tahun untuk diteliti sekiranya berlaku kenaikan kos dalam tempoh tersebut.

"Selain itu, Kementerian juga mengadakan pertemuan dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini dan mendapatkan kerajaan sudah pun wujudkan skim insentif tarif elektrik sejak tahun 2000 untuk melihat sektor paling terkesan jika berlaku kenaikan kos elektrik namun itu akan berakhir pada 2020," jelasnya.



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL bersama pengunjug dalam majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Pembangunan Industri Kewangan Malaysia Berhad (MIDF) 2019 di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA